

09/09/2002

Pendirian KL isu 'cukai dunia' teguh

Abdul Halim Yusoff; Magendran Rajagopal

MALAYSIA meneguhkan pendiriannya berhubung kewajaran pengenalan "Cukai Dunia" yang disasarkan untuk membantu negara mundur membangunkan prasarana bagi menyokong pertumbuhan ekonomi mereka, sekali gus mewujudkan dunia yang makmur untuk semua.

Biarpun cadangan itu sudah dikemukakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Forum Baao di Hainan China, Februari 2001, isu itu tidak diberi perhatian meluas pemimpin dan syarikat korporat dunia lantaran kedangkalan pemahaman dan kekurangan keinginan membantu mewujudkan dunia yang lebih makmur.

Berikutan itu, Dr Mahathir dalam ucapan penutupnya pada Forum Kepimpinan Global Asia yang berakhir di Pulau Pangkor Laut, semalam membangkitkan sekali lagi isu itu dan maklum balas daripada peserta, yang sebahagian besarnya merangkumi ketua eksekutif dan pembuat dasar pelbagai syarikat dan perbadanan dunia, menunjukkan amat berminat kepada cadangan itu.

Perdana Menteri berkata, cadangan cukai dunia yang sering disalah anggap sebagai cadangan cukai baru mungkin menakutkan pedagang sekali gus menyebabkan mereka tidak mahu mendengar mengenainya.

Mengikut cadangan itu, keperluan untuk mewujudkan cukai dunia lahir daripada proses globalisasi pasaran. Mengikut kamus globalisasi yang mana pasaran dagangan merangkumi seluruh dunia, maka mereka yang mendapat manfaat daripada globalisasi perlu membayar cukai kepada dunia.

"Apabila kita berniaga di negara sendiri atau di negara lain, kita menerima logik terhadap keperluan membayar cukai kepada negara berkenaan. Kita mungkin dikecualikan membayar cukai tetapi kita tidak boleh mempertikai hak negara itu untuk mengenakan cukai," katanya.

Dr Mahathir berkata, "apabila seluruh dunia menjadi negara kita, seperti tempat kita berniaga dan membuat untung, sudah pasti kita perlu menerima perlunya membayar cukai dunia."

Cukai dunia itu bukan satu bentuk percukaian baru, sebaliknya cukai yang dibayar kepada negara penerima akan dipotong setengah hingga satu peratus daripada keuntungan bersih. Ia hendaklah diuruskan badan antarabangsa yang membawa suara semua pihak dan digunakan secara eksklusif membangunkan prasarana yang sangat diperlukan negara membangun.

"Dengan adanya sistem prasarana terutama jalan raya bagi memudahkan pengangkutan, negara berkenaan akan menjadi lebih menarik kepada pelabur asing. Dana daripada cukai dunia itu boleh digunakan untuk membina kemudahan awam seperti jalan raya, jambatan, landasan kereta api dan pelabuhan yang akan meningkatkan taraf hidup, mewujudkan peluang pekerjaan dan menyumbang kepada kemasukan dana asing.

"Ia bukannya mengenai memberi dana kepada kerajaan tetapi membina prasarana asas seperti yang dilakukan sesetengah negara dengan membina jambatan. Bezanya, menghadiahkan sebuah jambatan persahabatan akan menyebabkan negara penerima rasa terikat kepada negara penderma," katanya.